



KENYATAAN MEDIA

BANTUAN SKIM REZEKI TERNAK DVS MASIH DITERUSKAN

1. Berhubung dakwaan Pemuda Amanah Perak bahawa Skim Rezeki Ternak, program dibawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dibatalkan.
2. Skim Rezeki Ternak masih diteruskan dan telah ditambah baik dengan perluasan skop yang meliputi;
 - i. Bukan sahaja bantuan ternakan ruminan bahkan merangkumi ternakan unggas iaitu ayam kampung, itik dan puyuh.
 - ii. Makanan ternakan meliputi makanan ruminan dan makanan unggas.
 - iii. Input peralatan dan kandang.

BANTUAN	JUMLAH
a. Ternakan ruminan (Lembu, kambing dan bebiri)	RM 10,000/penternak
b. Bantuan makanan ruminan	RM 2,000/penternak
c. Bantuan ternakan unggas dan @ atau makanan unggas	RM 5,000/penternak
d. Peralatan dan kandang	RM 5, 000/penternak

3. Perluasan skop Skim Rezeki Ternak telah dipersetujui oleh YAB Perdana Menteri pada 6 Ogos 2020.
4. Objektif Skim Rezeki Ternak adalah bagi mengekalkan populasi ternakan ruminan penternak kecil dan sederhana, membantu meningkatkan pendapatan penternak dan meningkatkan minat penternak kecil untuk meneruskan bidang usaha ternakan ruminan untuk lebih maju.
5. Sasaran program ini melibatkan seribu (1,000) orang penternak.
6. Skim ini lebih mesra penternak kerana ia merupakan bantuan geran penuh kerajaan.
7. Perluasan Skim Rezeki Ternak dapat membantu penternak yang menghadapi masalah dan kegawatan sepanjang tempoh PKPP COVID-19 dan rangsangan kesinambungan bidang usaha penternakan.

Disediakan oleh:
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
03 September 2020